



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 APRIL 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MAFI, KETUA MENTERI SABAH BINCANG PELBAGAI KERJASAMA MODENKAN SEKTOR PERTANIAN SABAH, SIAKAP KELI -ONLINE SABAH TERIMA PERUNTUKAN MAFI LEBIH RM135 JUTA TAHUN INI, UTUSAN BORNEO -ONLINE HAJJI TERIMA KUNJUNGAN MAFI, UTUSAN BORNEO -ONLINE BEKALAN MAKANAN CUKUP MENJELANG AIDILFITRI: MAFI, SH -ONLINE RM285m ALLOCATION FOR SABAH, SARAWAK AGROFOOD SECTOR, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 RM285mil FOR AGRO-FOOD PROGRAMMES IN SABAH AND SARAWAK, NATION, THE STAR -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8.	RAMPAS 28 TAN DAGING KERBAU SEJUK BEKU, LOKAL, HM -18 DAGING KERBAU GAGAL PAMER LOGO HALAL, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10.	TIGA LADANG AYAM MANJUNG DISIASAT NAIK HARGA, NEGARA, KOSMO -16 DIDENDA RM5,000 PINDAH 25 KAMBING TANPA KEBENARAN, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
11. 12.	PRICE CHECKS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 NAIK HARGA: PENJUAL SAYUR, UTUSAN BORNEI SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	MARDI-UMS PERKUKUH KERJASAMA BANGUNKAN SEKTOR AGRO MAKANAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23.	PEMBORONG BANTAH KOMPAUN, NEGARA, KOSMO -16 LAPOR KPDNHEP JIKA HARGA AYAM NAIK, SH -ONLINE KENAIKAN HARGA AYAM DI BULAN RAMADHAN, LAPOR SEGERA KEPADA KEMENTERIAN, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE MENYAMAR CARI PUNCA AYAM DIJUAL RM9.50 SEKILOGRAM, LOKAL, HM -10 KERAJAAN SIASAT KARTEL AYAM, MUKA DEPAN, UM -1 & 2 KAMI FAHAM, KAMI JUGA PENGGUNA, DALAM NEGERI, UM -2 HARGA AYAM NAIK LAGI, RENCANA, UM -16 PENIAGA AKUI JUAL BARANG HARGA SAMA, NASIONAL, BH -5 FOMCA GESA TELITI RANTAIAN BEKALAN, JUALAN AYAM, ASIONAL, BH -5 'INVESTIGATE HIDDEN HANDS HIKING PRICES', NEWS, NST -8	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2022	SIKAP KELI	ONLINE	

MAFI, Ketua Menteri Sabah Bincang Pelbagai Kerjasama Modenkan Sektor Pertanian Sabah



Kunjungan hormat terhadap YAB Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima [Hajiji Haji Noor](#) di Menara Kinabalu, Kota Kinabalu.

Kunjungan hormat ini turut disertai oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Haji Salleh, Pengerusi LPNM, YB Dato' Dr.Shahrudin Bin Jamal, TKSU

(Pembangunan) MAFI, YBhg Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Ketua Pengarah MARDI, YBhg Dato' Dr Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, KP LPNM, En Mohd Khairuzamri M.Salleh dan Ketua Pegawai Perbankan Komersial Agrobank, En Azman Md Isa.

YB Datuk Seri Panglima Sr Haji Safar Bin Untong, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah turut bersama dalam kunjung hormat ini.

Perbincangan antara lain telah menjurus kepada pelbagai bentuk kerjasama bagi terus memodenkan sektor pertanian Negeri Sabah dan pendekatan-pendekatan yang dapat terus menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran pertanian negeri dan seterusnya memperkukuh sekuriti makanan negara secara keseluruhannya.



Perjumpaan itu juga turut membincangkan mengenai kerjasama yang akan dimeterai melalui memorandum-memorandum yang akan ditandatangani pada hari ini. Ini turut menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ini termasuk usaha mengembangkan industri nenas di Negeri Sabah melalui kerjasama strategik antara MAFI, MAFS dan LPNM

yang seiring dengan hasrat bersama untuk meningkatkan sektor pertanian dan bagi membantu petani-petani di Negeri Sabah.

Kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta dalam sektor agromakanan dapat menjadi pemangkin kepada pencapaian dan selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2021 – 2025.

Kerjasama erat antara MAFI dan MAF Sabah adalah penting dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan baik bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan industri makanan yang mampan dan berdaya saing.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkongsi aspirasi bersama dan komited untuk terus bekerjasama untuk memodenkan sektor agromakanan, meningkatkan produktiviti bagi mengurangkan kebergantungan kepada import, serta mengurus sektor agromakanan dengan lebih efisien dalam usaha menjamin sekuriti makanan negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Sabah terima peruntukan MAFI lebih RM135 juta tahun ini



KERJASAMA: Ronald (kanan) dan Jeffrey (tengah) merakamkan gambar bersama wakil sempena MoU pada majlis itu.

KOTA KINABALU: Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan lebih RM135 juta tahun ini kepada Sabah

melaksanakan pelbagai projek, program dan inisiatif merentasi semua subsektor termasuk padi dan beras, perikanan, tanaman dan juga ternakan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, peruntukan berkenaan diagihkan kepada jabatan dan agensi di bawah MAFI di negeri ini.

Katanya, usaha itu juga menunjukkan MAFI amat komited dalam memastikan jaminan bekalan makanan negara kekal utuh melalui kerjasama dan sinergi berterusan bersama kerajaan negeri.

Menurutnya, kerjasama strategik antara kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak swasta dalam sektor agro makanan dapat menjadi pemangkin kepada pencapaian dan selari dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) dan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2021-2025.

"Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berkongsi aspirasi bersama dan komited untuk terus bekerjasama untuk memodenkan sektor agro makanan.

"Di samping itu untuk memperkasakan infrastruktur pertanian, tingkatkan penggunaan teknologi bagi mengurangkan kebergantungan kepada import, meningkatkan produktiviti serta mengurus sektor agro makanan dengan lebih efisien bagi meningkatkan hasil pengeluaran.

"Usaha ini sekali gus memastikan jaminan bekalan dan sekuriti makanan negara," katanya sempena majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MAFI, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) di sini hari ini.

Beliau berkata, kerjasama erat antara MAFI dan MAF Sabah adalah penting dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan baik.

Menurutnya, ia bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan industri makanan yang mampan dan berdaya saing.

Pada majlis itu, Ronald dan Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Kitingan menyaksikan MoU di antara Agrobank and Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), serta MoU di antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Karkun Sdn. Bhd. berkaitan kerjasama dalam pembangunan usahawan produk berasaskan tomato.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Datuk Badrul Hisham dan Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Mohd Khairuzamri M. Salleh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Hajji terima kunjungan MAFI



KUNJUNGAN: Hajji (tiga kanan) menerima cenderamata daripada Ronald (tiga kiri) semasa kunjungan itu. Turut kelihatan Nik Muhammad Zawawi (dua kiri) dan Safar (dua kanan).

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajji Haji Noor menerima kunjungan hormat rombongan Kementerian Pertanian dan Industri

Makanan (MAFI) yang diketuai oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di Menara Kinabalu di sini hari ini.

Rombongan MAFI terdiri daripada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Datuk Badrul Hisham; Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Datuk Dr. Mohd Zabawi Abdul Ghani; Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Mohd Khairuzamri M. Salleh; dan Ketua Perniagaan Komersial Agrobank Azman Md Isa.

Ronald memberi taklimat kepada Hajji mengenai tumpuan kerajaan Pusat dan kementeriannya terhadap aspek keselamatan makanan negara (food security), serta usaha berterusan yang dijalankan bagi mengukuhkan aspek berkenaan.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Panglima Safar Untong.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Bekalan makanan cukup menjelang Aidilfitri: MAFI



Ronald berucap pada majlis menandatangani MoU untuk membangunkan industri nanas di Kota Kinabalu.

KOTA KINABALU - Kementerian Pertanian Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bahawa bekalan makanan dalam keadaan stabil dan mencukupi menjelang perayaan Aidilfitri nanti.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, hasil perbincangan dan libat urus dengan pemain industri pengeluar makanan ketika ini bekalan makanan adalah stabil.

"Soal harga isu lain, bekalan stabil tetapi kita turut pantau.

"Minggu ini sudah dua kali saya mengadakan libat urus dengan pemain industri iaitu pihak pemborong untuk memastikan bekalan makanan kita stabil terutama menjelang perayaan akan datang," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di sini, pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika ditanya situasi bekalan makanan adakah mencukupi sempena menjelang perayaan tidak lama lagi.

Sementara itu, Ronald yang hadir menyempurnakan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara kementeriannya dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS) serta Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) turut berkata, persefahaman itu adalah untuk membangunkan industri nanas di negeri ini.

"Melalui LPNM adalah merupakan satu kerjasama baharu dengan MAFS. Kita tahu industri nanas sebelum ini rancak dijalankan di Semenanjung tetapi pertama kali kita membuat persefahaman untuk membangunkan industri nanas di Sabah.

"Sebagai permulaan, LPNM akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk memulakan pembangunan industri nanas di Sabah," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap langkah pertama itu akan berjaya untuk melihat perusahaan penanaman industri nanas dapat bertapak di Sabah.

"Lokasi pembangunan akan ditentukan MAFS dengan MAFI, jadi ada satu jawatankuasa dibentuk bersama untuk memantau dan kita harap agar bentuk kerjasama lebih erat dapat diwujudkan selepas kerjasama awal ini," katanya.

Sebelum itu, turut hadir Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan dan Timbalan Menteri MAFI, Datuk Dr Nik Zawawi Salleh.

RM285m allocation for Sabah, Sarawak agrofood sector

KOTA KINABALU: The Agriculture and Food Industries Ministry has allocated about RM135 million to develop the agrofood sector in Sabah this year.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee said the allocation was for departments and agencies under the ministry, including the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) Sabah to spur the growth of the industry, based on the state's food sources.

In the case of Sarawak, Ronald said the ministry had allocated about RM150 million to develop the sector's potential in achieving the objectives outlined in the National Agrofood Policy 2.0.

"We have talked a lot about the agrofood sector as we want to ensure the country's food supply security. This is contained in the National Agrofood Policy 2.0, to enable the sector to contribute to the country's gross domestic product and economic development.

"It is also geared towards ensuring that the sector will move in tandem with Industrial Revolution 4.0 through the use of modern technology, lower production costs and less labour dependency, as well as profit maximisation," he said after a working visit to Sabah Mardi yesterday.

Ronald said Sabah Mardi played an important role in promoting new agriculture technology, entrepreneurial development and research in agriculture and the food industry, besides providing food sample analysis services for the purpose of labelling the products of local entrepreneurs. - Bernama

RM285mil for agro-food programmes in Sabah and Sarawak

KOTA KINABALU: A total of RM285mil to implement agro-food programmes has been channelled to Sabah and Sarawak this year.

Federal Agriculture and Food Industry (MAFI) Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said RM135mil was allocated to Sabah and RM150mil was given to Sarawak.

He said the allocation was distributed to all agencies and departments under MAFI to implement courses, training and activities that contribute to the growth of the agro-food sector.

"The distribution of these funds was to develop the agri-food sector in the country, especially in Sabah,"

he said after a working visit to the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) Sabah here yesterday.

During his visit, Kiandee also witnessed the signing of a memorandum of understanding between MARDI and Universiti Malaysia Sabah (UMS) for research and

development (R&D) collaboration. The MOU hopes to strengthen existing R&D to develop technology and improve quality in the agriculture industry.

Kiandee said MARDI Sabah has trained more than 12,000 young people and local entrepreneurs through training and short-term

courses to date.

He said MARDI also provided technical advice and technopreneur guidance to 50 agricultural and agro-based entrepreneurs a year.

Kiandee later handed over RM9,000 grants each to two entrepreneurs involved in farming.

Rampas 28 tan daging kerbau sejuk beku

Pelabuhan Klang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor merampas 28 tan daging kerbau sejuk beku dari India di Pelabuhan Barat pada Isnin lalu kerana gagal mempamerkan logo halal di dalam kotak dagangan yang dikehendaki.

Maqis Selangor pada kenyataan semalam berkata, daging kerbau sejuk beku

yang tiba pada 7 Mac lalu, dirampas susulan pemeriksaan rutin oleh penguatkuasanya, jam 10 pagi.

“Siasatan mendapati, sebuah kontena yang membawa dagangan daging kerbau sejuk beku itu tidak mematuhi syarat permit import yang dikeluarkan Maqis.

“Pengimport yang membawa dagangan itu gagal

mempamerkan logo halal di dalam kotak dagangan yang dikehendaki sepertimana dinyatakan dalam syarat permit import yang diluluskan. Berikutan itu, semua daging kerbau sejuk beku membabitkan 1,120 kرتون bernilai RM322,565.88 ditan untuk siasatan,” katanya.

Menurut kenyataan, keagagalan mematuhi syarat yang

ditetapkan pada Permit Import Maqis adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), akta sama.

“Sabit kesalahan boleh didenda tak lebih RM100 atau penjara tidak lebih 6 tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Syarikat pengimport produk dari India bawa masuk 28 tan bekalan bernilai RM322,568

Daging kerbau gagal pamer logo halal

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG - Sebuah syarikat pengimport dan pengedaran produk makanan tidak serik apabila sekali lagi membawa masuk daging kerbau sejuk beku dari India yang tidak mempamerkan logo halal dalam bungkusan kotak di Pelabuhan Barat di sini.

Dalam kejadian terbaharu pukul 10 pagi, Isnin lalu pihak berkuasa berjaya merampas 1,120 kanton daging kerbau yang seberat 28 tan dianggarkan bernilai RM322,568.

Kesalahan pertama dilakukan syarikat beroperasi di Selangor itu adalah pada 26 Februari lalu melibatkan 24 tan jenis daging yang sama.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Selangor (Maqis) berkata, Kesemua daging itu dikesan pihaknya menerusi



DAGING kerbau sejuk beku tanpa pamerkan logo halal yang dirampas Maqis Selangor pada Isnin lalu.

rutin pemeriksaan terhadap sebuah kontena yang telah berada di pelabuhan itu sejak 7 Mac lalu.

Katanya, syarikat berkenaan yang beroperasi di Selangor gagal mempamerkan logo halal di dalam kotak dagangan seperti dinyatakan dalam syarat permit import yang diluluskan.

"Berikutan itu, kesemua daging kerbau sejuk beku dianggarkan bernilai RM322,568.88 ditahan untuk siasatan lanjut.

"Kes diasas mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011," ujarnya dalam kenyataan di sini semalam.

Maqis Selangor menambah dalam kenyataan itu, sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Pemborong bantah kompaun

PONTIAN - Persatuan Penyembelih dan Pemborong Ayam Negeri Johor (PPPANJ) mempertikalkan tindakan kompaun yang dikenakan ke atas ahli-ahlinya di negeri itu susulan kenaikan harga ayam.

Pengerusi PPPANJ, Mohd. Azmi Abdullah berkata, tindakan saman bukan jalan penyelesaian bagi mengatasi kenaikan harga ayam yang dikatakan mendadak bermula pada bulan Ramadan ini.

Ujarnya, ketika ini ahli-ahlinya membeli ayam dari ladang dengan harga RM6.30 sekilogram walaupun kerajaan telah memberikan subsidi sebanyak 80 sen sekilogram kepada penternak.

Menurut beliau, dengan subsidi yang diberikan itu, sepatutnya penternak menjual kepada pemborong dengan harga RM5.90 bagi membolehkan pemborong menjual kepada peniaga dengan RM7.60 sekilogram.

"Tetapi keadaan itu tidak berlaku menyebabkan kami terpaksa menjual kepada peniaga ayam dengan RM8.60 sekilogram bagi menampung kos perbelanjaan yang telah dikeluarkan seperti pekerja dan sebagainya.

"Kenapa penternak ayam tidak menjual kepada kami (pemborong) dengan harga RM5.90 sen sekilogram setelah mendapat subsidi sebanyak 0.60 sen daripada pihak kerajaan," katanya di sini, semalam.



PENIAGA ayam mendakwa terpaksa menjual melebihi harga siling disebabkan harga mahal daripada pemborong. - GAMBAR HIASAN

Kelmarin Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor telah mengeluarkan 40 kompaun terhadap pentaga dan pemborong ayam di Johor Bahru.

Tindakan tersebut dilakukan berikutan harga ayam dikesan meningkat kepada RM10 sekilogram melebihi harga siling yang ditetapkan kerajaan RM8.90 sekilogram di bandar raya Johor Bahru.

Tambah Mohd. Azmi, KPDN-

HEP perlu menyelidik terlebih dahulu mengapa peniaga menjualnya melebihi harga siling kerana mereka menerima daripada pemborong RM8.60 sekilogram ketika ini.

"Tidak munasabah mereka dapat menjualnya kepada orang ramai dengan harga RM8.90 sen sekilogram seperti yang ditetapkan kerana mereka juga perlu menanggung kos-kos lain seperti upah pekerja dan sebagainya," ujar Mohd. Azmi.

Tiga ladang ayam Manjung disiasat naik harga

MANJUNG - Tiga ladang ayam daging di daerah ini disiasat kerana disyaki menaikkan harga jualan ayam hidup dari ladang melebihi harga kawalan.

Ia hasil pemeriksaan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Manjung pada Selasa dan Rabu lalu.

Pengarah KPDNHEP Perak, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, siasatan awal mendapati peladang menjual antara RM6.05 hingga RM6.30 setiap kilogram berbanding harga kawalan RM5.60.

Kata beliau, jualan pada peringkat ladang hendaklah tidak melebihi Skim Penentuan Harga Maksimum Ayam yang berkuat kuasa mulai 5 Februari hingga 5 Jun ini.

"Semakan mendapati tiga peladang ini berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri Perak dan beroperasi di sekitar daerah Manjung.

"Bekalan ayam adalah untuk edaran di sekitar negeri Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur," ujarnya dalam kenyataan di sini semalam.

Tiga kertas siasatan telah dibuka ke atas peladang-peladang ini dan siasatan akan diteruskan di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.



SAIFULLIZAM

Saifullizan memberitahu, kesalahan ini kerana menjual barang kawalan ayam melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

"Syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 dan tidak lebih RM1 juta bagi kesalahan berikutnya, jika sabit kesalahan.

"Bagi pesalah persendirian pula, hukuman denda sehingga RM100,000, penjara atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan jika didapati bersalah," ujarnya.

Dalam pada itu katanya, ketika ini bekalan barang asas untuk semua pengguna di seluruh Manjung mencukupi.

Didenda RM5,000 pindah 25 kambing tanpa kebenaran

SEBERANG PERAI - Seorang penternak didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam di sini semalam selepas didapati bersalah memindahkan 25 ekor kambing tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bulan lalu.

Majistret Mohd. Harith Mohd. Mazlan membuat keputusan itu selepas tertuduh, C. Soma Sumdaram, 62, membuat pengakuan bersalah terhadap pertuduhan yang disabitkan ke atasnya.

Warga emas itu didakwa memindahkan 25 ekor kambing jantan menggunakan sebuah lori tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah JPV Negeri atau mana-mana pihak berkuasa veterinar.

Kesalahan dilakukan di tepi jalan di hadapan sebuah kedai gunting rambut di Jalan Machang Bubok, Bukit Mertajam di sini pada pukul 5.40 petang, 2 Mac lalu.

Pendakwaan dibuat mengikut Perintah 4(1)(a) Perintah Haiwan (Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion serta Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 dan dibaca bersama Subseksyen 36(1)(c)(i) Akta Binatang 1953 yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa JPV Pulau Pinang, Ro-



SOMA SUMDARAM (kanan) dijatuhi hukuman denda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam, Seberang Perai semalam.

- IQBAL HAMDAN

ziman Awang Tahrin, manakala tertuduh pula tidak diwakili peguam.

Bapa empat anak itu dalam rayuannya memohon maaf atas kesalahan tersebut dan meminta hukuman ringan kerana merupakan kesalahan pertamanya sepanjang terlibat dalam bidang ternakan lembu dan kambing kira-kira 45 tahun lalu.

Tertuduh juga merayu agar lori miliknya dipulangkan semula kerana merupakan satu-satunya kenderaan yang digunakannya untuk mencari rezeki.

Selain denda, mahkamah turut memerintahkan hasil jualan ternakan sebanyak RM7,500 dilucut hak, manakala lori pula dipulangkan semula selepas tertuduh membayar denda.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	4



PRICE CHECKS ... Vegetable seller S. Selvam (right) showing the cost of scallions to Consumer Association of Penang president Mohideen Abdul Kader at the Pulau Tikus market in Penang yesterday. - **BERNAMAPIX**

08 APR, 2022

NAIK HARGA: Penjual sayur

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



NAIK HARGA: Penjual sayur M.Dallas, 49, menunjukkan harga daun kari yang dijual dengan harga RM12 sekilogram di pasar awam Pulau Tikus, dekat George Town semalam. Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil langkah segera menurunkan harga sayur-sayuran yang meningkat secara drastik. Menurut Mohideen, ketika beliau membuat pemantauan di pasar awam Pulau Tikus, mendapati kebanyakan sayur-sayuran dan barangan keperluan mengalami kenaikan harga berbanding harga asal. Kenaikan harga sayuran dan barangan keperluan akan membebankan para pengguna terutamanya di bulan Ramadan ini. CAP menyeru bahagian penguatkuasa KPDNHEP untuk menyalak kenaikan harga tersebut memandangkan golongan berpendapatan rendah akan terjejas teruk dengan kenaikan harga barang dan mengambil tindakan tegas terhadap para peniaga dan pemborong yang menaikkan harga secara berlebihan serta melanggar Akta Anti-Pencatutan 2010. - Gambar Bernama



08 APR, 2022

NAIK HARGA: Penjual sayur

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

NAIK HARGA: Penjual sayur M.Dallas, 49, menunjukkan harga daun kari yang dijual dengan harga RM12 sekilogram di pasar awam Pulau Tikus, dekat George Town semalam. Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil langkah segera menurunkan harga sayur-sayuran yang meningkat secara drastik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MARDI-UMS perkukuh kerjasama bangun sektor agro makanan



MOU: Ronald (tiga kiri) bersama Nik Muhammad Zawawi (tiga kanan) menyaksikan Mohd Zabawi (dua kiri) dan Taufiq (dua kanan) menunjukkan dokumen MoU yang ditandatangani pada majlis itu.

KOTA KINABALU: Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani di antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal memperkasakan lagi pembangunan sektor

agro makanan khususnya di negeri ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, MoU berkenaan bertujuan mempertingkatkan penyelidikan dan inovasi antara UMS dan MARDI dalam projek penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, usaha itu dilaksanakan melalui pertanian pintar, pembangunan dan aplikasi sistem pemantauan berimej untuk prestasi pertumbuhan tanaman dalam kilang tanaman.

Menurutnya, kedua-dua pihak turut dapat memantapkan aspek sains asas dan aplikasi dalam aktiviti R&D untuk menghasilkan teknologi bermutu dan berorientasikan industri.

"Pemindahan teknologi ke UMS juga adalah untuk meningkatkan lebih banyak penglibatan pembangunan penyelidikan dalam pembelajaran.

"Ia turut meningkatkan bilangan penyelidikan dan pembangunan berkualiti dalam bidang pertanian, meningkatkan penerbitan berimpak tinggi melalui penjana data saintifik yang terhasil," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena lawatan ke MARDI Sabah dan menyaksikan majlis menandatangani MoU di antara MARDI dan UMS di sini hari ini.



LAWATAN: Ronald (dua kiri) bersama tetamu jemputan lain menunjukkan produk yang dihasilkan di MARDI Sabah semasa lawatan itu.

Ronald berkata, sebagai sebuah agensi di bawah kementeriannya, MARDI banyak memberi sumbangan kepada pertumbuhan agro makanan di negara ini dan juga Sabah.

Katanya, sejak ditubuhkan pada 1995 sehingga kini, MARDI Sabah berjaya memberi pelbagai

kursus latihan kepada kira-kira 11,000 penduduk tempatan Sabah terutama melibatkan kursus-kursus teknologi dan latihan amali.

Selain itu jelasnya, MARDI juga berjaya memberi khidmat nasihat teknikal dan bimbingan technopreneur kepada 50 usahawan pertanian dan asas tani setahun.

Sehubungan itu katanya, pelbagai kemudahan infrastruktur berjaya dibangunkan melalui MARDI di Sabah antaranya bangunan pentadbiran, makmal analisis kimia yang berakreditasi, makmal pemprosesan makanan atau Testbed Teknologi MARDI, inkubator hasilan surimi, serta kemudahan infrastruktur yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti latihan, promosi teknologi dan pembangunan usahawan.

"MoU ini akan mempergiatkan lagi usaha kerjasama strategik di antara MARDI dan UMS dalam menghasilkan lebih banyak kajian dan dapatan teknologi untuk membangunkan sektor agro makanan di Sabah.

"Kita mahu pastikan usaha ini dapat menjamin aspek keselamatan makanan negara sekali gus menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Kementerian juga mahu memastikan sektor ini seiring dengan Revolusi Industri (IR) 4.0 dan melipatkangandakan keuntungan pembangunan ekonomi negara," jelasnya.

Majlis menandatangani MoU itu diwakili oleh Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr. Mohd Zabawi Abdul Ghani dan Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Badrul Hisham.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Lapor KPDNHEP jika harga ayam naik



Razman

BAGAN SERAI - Orang ramai diminta melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) jika terdapat peniaga ayam di pasar awam di seluruh negeri Perak bertindak menaikkan harga ayam khususnya Ramadan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria

berkata, laporan itu perlu bagi membolehkan tindakan tegas diambil kepada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga ayam sehingga membebankan rakyat.

"Ayam merupakan sumber protein yang menjadi barangan keperluan dan harganya lebih rendah berbanding harga ikan.

"Jika harga ayam naik menyebabkan peniaga di bazar Ramadan juga mengambil kesempatan menaikkan harga jualan mereka kerana permintaan yang tinggi pada bulan ini dan ini akan membebankan rakyat. Jadi, saya minta agar laporkan segera," katanya selepas melawat rumah seorang penduduk yang memerlukan bantuan Baitulmal di Kampung Parit Haji Taib 3 di sini pada Khamis.

Beliau berkata, bekalan ayam dan telur ayam ketika ini mencukupi kerana negeri ini merupakan antara pengeluar ayam terbesar di Semenanjung Malaysia.

Mengenai lawatannya Khamis, Razman berkata, sebuah rumah baharu dilengkapi tiga bilik akan dibina bagi membantu kesulitan sebuah keluarga asnaf, Ahmad Gani bersama isteri dan enam anak berumur lima hingga 21 tahun, yang ketika ini menumpang di rumah milik saudaranya.

"Saya dapati lapan beranak ini terpaksa tidur berhimpit di ruang tamu kerana rumah itu mempunyai satu bilik sahaja. Keluarga ini akan dipindahkan ke sebuah rumah baharu tiga bilik di Kampung Alor Singa tidak lama lagi.

"Saya sudah membeli sebidang tanah mengandungi 80 lot untuk bina rumah baharu bagi menempatkan golongan asnaf ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gunung Semanggol.

Sementara itu, Ahmad, 55, yang bekerja kilang di Nibong Tebal, Pulau Pinang bersyukur atas keperihatinan Razman dalam membantu menyediakan sebuah rumah baharu kepada keluarganya.

"Saya tidak mempunyai tapak rumah sendiri walaupun ada membuat permohonan dengan Baitulmal untuk membina rumah baharu sebelum ini," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2022	THE MALAYSIA INSIGHT	ONLINE	

Kenaikan harga ayam di bulan Ramadan, lapor segera kepada kementerian



ORANG ramai diminta melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) jika terdapat peniaga ayam di pasar awam di seluruh negeri Perak bertindak menaikkan harga ayam khususnya pada bulan Ramadan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria berkata laporan itu perlu bagi membolehkan tindakan tegas diambil kepada peniaga yang

mengambil kesempatan menaikkan harga ayam sehingga membebankan rakyat.

Kuala Lumpur: Peruncit di sekitar ibu kota dilaporkan menerima bekalan dengan harga ayam RM8.60 sekilogram (kg) daripada pembekal hingga menyebabkan harga ayam mentah dijual melebihi harga siling yang ditetapkan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, perkara itu dikesan selepas pemantauan dan pemeriksaan dilakukan pihaknya di Pasar Jalan Raja Alang di sini.

"Hari ini (semalam) pasukan pemantauan menerima maklumat berhubung harga ayam mentah di kawasan berkenaan yang dijual melebihi harga si-

Menyamar cari punca ayam dijual RM9.50 sekilogram

ling.

"Susulan itu, pegawai dan anggota penguat kuasa ke lokasi berkenaan dengan berpakaian preman serta beruniform bagi mengenal pasti kenapa harga ayam mentah dijual sehingga mencecah RM9.50 sekilogram

ram," katanya kepada Harian Metro.

Ariffin berkata, siasatan mendapati peruncit terbabit menerima harga daripada pembekal dengan harga yang tinggi iaitu RM8.60 se-

kilogram.

"Harga asal yang sepatutnya dijual kepada peruncit adalah RM7.60 sekilogram, tetapi berlaku peningkatan harga di pihak pembekal.

"Justeru, KPDNHEP mengeluarkan 17 notis maklumat kepada peruncit berkenaan bagi membuktikan dokumen yang diperolehi dari pembekal yang memberi bekalan pada harga tinggi," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga akan mengadakan pertemuan dengan pembekal dan akan mengambil tindakan selanjutnya.

"Saya memberi amaran keras kepada mana-mana pembekal, peniaga dan peruncit yang cuba untuk mengambil kesempatan dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya," katanya.



Susulan itu, pegawai dan anggota penguat kuasa ke lokasi berkenaan dengan berpakaian preman serta beruniform bagi mengenal pasti kenapa harga ayam mentah dijual sehingga mencecah RM9.50 sekilogram"

Ariffin Samsudin



Pemain industri diminta bantu usaha KPDNHEP

Kerajaan siasat kartel ayam

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan mula menyiasat dakwaan wujud kartel yang mengawal pasaran ayam sehingga mengakibatkan harga ternakan itu tidak menentu di pasaran.

Laporan *Utusan Malaysia* kelmarin mendorong Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bertindak termasuk membincangkannya dalam mesyuarat khas semalam.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, menterinya, Datuk

Seri Alexander Nanta Linggi berkata, susulan mesyuarat peringkat tertinggi semalam bagi membincangkan isu berkenaan para pegawai kementerian telah diarahkan melakukan siasatan menyeluruh.

"Saya mengambil maklum apa yang telah didedahkan

pada muka depan akhbar *Utusan Malaysia* mengenai isu kartel yang mengawal harga ayam. Saya ingin menyatakan bahawa pihak kementerian menerima dan memandang serius pendedahan pihak *Utusan Malaysia*.

Bersambung di muka 2

Minda
Pengarang

ISMAIL DAUD



Kami faham, kami juga pengguna

ISU peningkatan kos sara hidup disebabkan kenaikan harga barang, makanan dan perkhidmatan asas adalah antara perkara yang menjadi masalah utama membelenggu kebanyakan rakyat Malaysia ketika ini.

Situasi yang dirasakan hari ini bukan perkara baharu tetapi semakin dirasakan sejak dunia beralih ke fasa endemik apabila permintaan terhadap barangan meningkat tetapi penawaran berkurangan ekoran penutupan beberapa sektor ekonomi ketika pandemik Covid-19.

Sejak tahun lalu, Malaysia sudah menyaksikan beberapa insiden kenaikan harga barang khususnya bahan keperluan dan makanan asasi berlaku.

Bagi kebanyakan kita, jalan mudah ialah dengan menyalahkan peniaga. Dalam bulan puasa ini, isu harga di bazar-bazar Ramadan menjadi topik utama. Hampir semua peniaga dikatakan menaikkan harga jualan mereka. Alasannya ialah harga bahan mentah melambung.

Ketika ke sebuah bazar Ramadan di Cheras baru-baru ini, saya tengok memang ada kenaikan harga tetapi masih boleh 'diterima akal'. Peniaga ramai, pengunjung juga ramai walaupun tidak jauh dari situ ada satu lagi bazar Ramadan. Masih ramai yang membeli walaupun merungut mahal.

Seorang peniaga yang ditemui mengakui dia menjual lebih mahal pada tahun ini. Tak boleh elak, katanya. Mereka perlu menanggung pelbagai kos sampingan yang pembeli tidak tahu dan tidak sedar.

Bukan setakat bahan mentah yang semakin mahal, kata lelaki awal 30-an itu, dia juga perlu bayar upah pekerja, kos pengangkutan, kos tapak yang mencecah ribuan ringgit untuk sebulan dan pelbagai kos sampingan lain termasuk kos menghias gerai.

"Stail meniaga sekarang lain macam, bang. Mesti ada tagline, mesti ada banner besar yang cantik-cantik. Kalau gerai muram je, orang tak datang. Semua tu kos," luahnya.

Di sebalik semua kos itu, jualan belum tentu 'jalan'. Orang ramai ada banyak pilihan. Ada hampir 200 gerai di situ. Ada yang jual benda yang hampir sama. Persaingan terlalu sengit.

Kalau hari hujan, jualan merudum. Rugi hampir pasti. Bagi peniaga makanan bermasak, jalan terakhir ialah sedekahkan sahaja atau akhirnya buang sahaja.

Demikianlah luahan hati peniaga itu. Katanya, dia faham rungutan dibangkitkan pengguna kerana dia juga pengguna. Saya bersimpati dengan peniaga itu. Bersungguh-sungguh dia bercerita dan menjelaskan keadaan. Kebetulan tiada orang singgah di gerainya.

Pengguna tidak wajar menyalahkan peniaga kecil semata-mata. Mereka tiada kuasa dalam mengawal harga barang. Ia melibatkan rantaian yang panjang dan kompleks termasuk kemungkinan ada pihak atau kartel yang mengawal bekalan dan harga.

Walaupun hakikatnya ialah harga barang tidak mungkin akan kekal rendah selamanya tetapi kerajaan, dengan kuasa yang ada, mesti membantu mengawal kenaikan itu supaya tidak terlalu terasa seperti hari ini.

Ismail Daud ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia.

Kerajaan siasat kartel ayam

Dari muka 1

"Melalui pendedahan yang dibuat, saya ingin memaklumkan bahawa usaha Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam menangani isu tersebut sentiasa berterusan, dan saya telah mengarahkan pegawai di Kementerian untuk membantu siasatan herhubung perkara ini," katanya di sini, semalam.

Akhbar ini semalam mendedahkan kewujudan komplot atau kartel yang mengawal harga pasaran ayam di negara ini didakwa memanipulasikan harga ternakan itu sehingga tidak menentu di pasaran sejak ke belakangan ini.

Malah, hampir keseluruhan rantaian industri penternakan itu dikawal beberapa kartel besar yang menggunakan persatuan bagi menyembunyi perubahan mereka.

Sumber dalam industri memberitahu, cengkaman kartel itu berlaku ke atas keseluruhan rantaian industri termasuk berkuasa menentukan harga anak ayam berusia sehari untuk tujuan baka, harga dedak malah harga ayam di pasaran.

Kata sumber itu, ia sekali gus me-



Harga import bahan mentah ditentukan oleh harga komoditi jagung dan kacang soya."

ALEXANDER NANTA LINGGI

nyangkal dakwaan sesetengah pihak kononnya golongan penternak ayam, iaitu kumpulan terbawah dalam proses rantaian bekalan menjadi dalang kepada peningkatan harga ayam.

Sedangkan, katanya, kumpulan penternak termasuk di negeri-negeri hanya terlibat menerima bekalan anak ayam dan sumber makanan daripada pihak kartel dan membela sehingga tempoh tertentu sebelum dijual semula kepada kartel berdasarkan harga yang ditetapkan.

Pada masa sama, Alexander menyuarakan semua pihak yang mempunyai maklumat tentang kegiatan

kartel, agar tampil membuat laporan kepada pihak KPDNHEP atau MyCC bagi membantu melancarkan usaha Kementerian untuk membanteras kegiatan itu.

"Saya juga merayu kepada semua pihak, jika mempunyai sebarang maklumat tentang kegiatan kartel, sila tampil dan membantu KPDNHEP serta MyCC dengan menyalurkan maklumat, bagi membantu penguatkuasa mengambil tindakan sewajarnya," ujarnya.

Sementara itu, Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memaklumkan kepada *Utusan Malaysia*, kawalan harga ayam adalah di bawah bidang kuasa KPDNHEP.

Kata kenyataan itu, sekiranya ayam bulat dijual lebih dari harga kawalan yang ditetapkan, pengguna boleh melaporkan kepada KPDNHEP.

Menurut unit komunikasi Kementerian berkenaan, bahan mentah untuk memproses dedak adalah diimport, contohnya jagung dan kacang soya.

"Harga import bahan mentah ditentukan oleh harga komoditi jagung dan kacang soya," katanya.

Ditanya mengenai pemberian subsidi, menurut Kementerian itu, pemberian subsidi ayam berlangsung bermula 28 Februari lalu dan akan berakhir pada 30 Mei ini.

"Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian turut memberi pinjaman mudah untuk industri ayam bagi memperbaik modal pusingan," ujar kenyataan itu.



SALAHUDDIN
AYUB

IBARAT sudah jatuh ditimpa tangga. Demikian bertalu-talu dugaan yang perlu dihadapi oleh rakyat sejak pandemik Covid-19 melanda. Ekonomi sendiri masih dalam fasa pemulihan, sumber pekerjaan dan pendapatan baru sahaja hendak kembali bernafas, namun kini rakyat dihimpit pula dengan isu harga barangan tidak terkawal terutama harga bahan mentah seperti ayam dan telur.

Susulan negara kita juga sudah kembali beralih kepada fasa endemik dan pintu sempadan juga sudah mula dibuka, maka isu kenaikan harga bahan mentah dan makanan lain sebetulnya bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Inj kerana kebiasaannya memang dalam jangkaan kita bahawa harga barang akan naik apabila menjelang musim perayaan selain disebabkan oleh permintaan yang semakin meningkat.

Kita mengharapkan supaya kerajaan khususnya terus konsisten terhadap pemantauan harga bahan mentah di pasaran melalui Ops Pantau 2022 terutama sepanjang bulan Ramadhan ini dan Hari Raya Aidilfitri akan datang berpandukan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

MENGAPA BERLAKU
KENAIKAN HARGA?

Harga siling ayam yang ditetapkan kerajaan adalah RM8.90 sekilogram. Namun, ada individu-individu yang mengambil kesempatan dan bertindak melampaui batas apabila harga ayam sekilogram dijual dengan harga RM9.50 mahupun RM10 sekilogram.

Meletakkan harga melebihi harga siling sekalipun melebihi satu sen tetap menjadi satu kesalaban. Pemantauan semasa perlu sentiasa diteruskan dan digandakan terutama apabila menjelang musim perayaan. Kerajaan perlu memastikan penternak, pemborong, peruncit dan penjual mematuhi margin tanda harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

Pada 2021, laporan Organisasi Makanan dan Pertanian (FAO) merekodkan bahawa harga makanan bagi seluruh dunia naik secara purata sebanyak 30 peratus



ADA pihak mengambil kesempatan menjual ayam RM9.50 hingga RM10 sekilogram meskipun harga siling ditetapkan kerajaan adalah RM8.90 sekilogram. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

Harga ayam naik lagi

“Malaysia masih ketinggalan di belakang dalam soal tahap sara diri terhadap sumber makanan asas.”

pada tahun berkenaan. Sejak berlakunya pandemik, negara-negara pengeluar dan pengeksport dikatakan turut mengalami sumber pengeluaran yang terhad, rantaian bekalan makanan menjadi sukar. Justeru, permintaan dalam negara adalah lebih diutamakan berbanding permintaan dari luar.

Asasnya, kenaikan harga ayam berlaku disebabkan pelbagai faktor terutamanya harga dedak yang meningkat

ekoran sumber jagung dan soya yang diimport dari negara luar. Selain faktor kenaikan harga pasaran peringkat global, ia juga disebabkan oleh kadar pengeluaran sumber yang rendah. Dan ini dipercayai berpunca daripada faktor cuaca, faktor buruh terhad serta permintaan yang tinggi di pasaran.

LANGKAH PENYELESAIAN
TUNTAS

Langkah intervensi kerajaan pada masa kini seperti pemberian subsidi bagi sekilogram ayam atau sebiji telur tidak dinafikan memberikan sedikit kelegaan kepada rakyat, namun langkah tersebut hanyalah penyelesaian jangka pendek. Justeru, kerajaan perlu mula merangka dasar yang lebih komprehensif untuk menanganis isu kenaikan harga barangan makanan secara lebih serius.

Sebelum ini, Institut Penyelidikan dan Kemajuan

Pertanian Malaysia (MARDI) menyatakan mengenai pengenalan dedak alternatif menggunakan isirung sawit. Sekiranya ia berjaya dikomersialkan secara meluas, maka harga ayam dapat dikawal di samping mengurangkan kebergantungan kita terhadap komoditi import.

Selain itu, dalam konteks keselamatan dan jaminan makanan, terdapat keperluan untuk terus memperkasakan kegiatan pertanian dan penternakan. Guna tanah bagi pembangunan perumahan misalnya, perlu dikawal agar tidak mengakibatkan kawasan yang berpotensi bagi kegiatan pertanian, penternakan, dan penanaman menjadi terhad. Ini penting kerana melalui jaminan sektor-sektor inilah kita boleh 'meramal' kadar bekalan makanan dalam negara bagi lima, 10 tahun, bahkan juga mungkin bagi 30 tahun akan datang.

Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN serta negara jiran yang lain, Malaysia masih ketinggalan di belakang dalam soal tahap sara diri terhadap sumber makanan asas. Oleh itu, sudah tiba masanya yang kritikal untuk Malaysia mula memikirkan solusi tuntas bagi meningkatkan tahap sara diri serta jaminan terhadap bekalan makanan. Justeru, adalah penting untuk menilai keluasan tanah yang diperlukan untuk penanaman jagung bijian bagi mencapai kadar penghasilan yang setanding dengan negara jiran.

Dua hal utama yang menjadi indikator kepada akses makanan ialah ketersediaan dan kebolehcapaian. Dalam konteks kenaikan harga barang ini, ketersediaan terhadap barangan makanan itu mungkin ada serta mungkin juga masih mencukupi. Namun, kebolehcapaiannya terhad disebabkan oleh kadar harga barangan yang tidak berpatutan.

Sehubungan itu, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merekodkan bahawa Malaysia mengalami kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 1.7 peratus, bersamaan dengan jumlah 32,447,385 juta penduduk. Terdapat satu laporan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) yang membangkitkan persoalan pertumbuhan populasi dengan sekuriti makanan negara. Persoalannya, adakah kita cukup bersedia menampung pertumbuhan penduduk sekiranya tahap sekuriti makanan negara masih kelihatan seperti telur di hujung tanduk?

Antara tunjang utama dalam maqasid syariah adalah menjaga nyawa dan anggota tubuh badan. Ini jelas menunjukkan pentingnya keperluan terhadap jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan boleh diperolehi dengan harga munasabah. Soal ketersediaan dan kebolehcapaian terhadap sumber makanan ini terkait dengan polisi pemerintahan berasaskan siasah *al-Syar'iyyah* kerana ia menyentuh dasar jamiian dan kawalan. Permasalahan seperti jaminan bekalan makanan, kawalan harga serta kualiti makanan yang baik adalah hal yang hanya boleh dikendalikan oleh pemerintah dan pemegang taruh berkaitan.

DATUK Seri Salahuddin Ayub ialah Ahli Parlimen Pulau & Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Jeram.

Peniaga akui jual barang harga sama

Barangan keperluan dijual ikut harga semasa, ditetap KPDNHEP

Oleh Saadiah Ismail dan Awatif Hasani
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rata-rata pengusaha pasar raya dan peniaga bahan keperluan asas mengakui berlaku kenaikan harga barangan, namun ia masih dalam kawalan dan tidak berlaku secara mendadak.

Pengurus Sri Ternak, Kamarudin Ismail, berkata buat masa ini barang keperluan yang dijual di premisnya masih pada harga sama memandangkan ia adalah stok lama.

Antaranya susu pekat masih dijual pada harga RM2.60, gula pasir RM2.85, tepung gandum RM2.85 dan ayam pada harga RM8.90 sekilogram.

Katanya, setiap hari pihaknya akan menghantar laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) mengenai senarai harga dan stok dimiliki.

"Di pihak kami tidak boleh sesuka hati menaikkan harga barangan kerana KPDNHEP akan melakukan pemeriksaan.

"Sekiranya harga barangan

naik sekalipun, ia tidak terlalu ketara dan ia juga bergantung kepada harga yang diberikan oleh pembekal, namun buat masa ini, Sri Ternak masih mengekalkan harga yang sama.

"Bagaimanapun sekiranya datang bekalan stok baharu, saya menjangkakan harga barangan akan naik sekitar lima hingga 15 peratus," katanya semalam.

Terdahulu, *BH* melancarkan tinjauan di pasar raya dan pasar borong mendapati terdapat kenaikan harga beberapa barang keperluan asas, namun orang ramai masih lagi melakukan pembelian berikutan musim perayaan.

Sebelum ini *BH* melaporkan kenaikan harga barangan keperluan harian semakin ketara antaranya tepung gandum, susu pekat dan sayuran hingga membebankan pengguna.

Sementara itu, peniaga barangan kering, Tan Ah Hook, berkata semua barangan keperluan dijual mengikut harga semasa dan seperti ditetapkan KPDNHEP.

Katanya, sebelum ini cili kering dijual pada harga RM18 bagi setiap kilogram, tetapi kali ini ia meningkat RM2.

"Harga bawang besar juga tidak tentu, ada kala naik ada kala turun dan kita perlu ikut harga semasa. Buat masa ini harga bawang besar RM4.50 sekilogram.

"Tetapi semua harga barangan

keperluan ini tidak naik terlalu ketara," katanya.

Bagi pengusaha ayam mentah, Siti Azura Zolkefli, dia terpaksa menjual pada harga RM9.30 sekilogram berikutan harga ditawarkan pembekal antara RM8.20 hingga RM8.50.

Katanya, sekiranya mengikut harga syiling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90 sekilogram, peniaga tidak dapat menampung kos dan membayar sewa serta gaji pekerja.

"Kalau tiada harga kawalan, mungkin peniaga juga sudah menaikkan harga ayam melebihi RM10, justeru kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian daripada penternak sendiri.

"Sekiranya harga tidak melambung tinggi, mungkin peniaga juga tidak akan menaikkan harga seperti ini," katanya.

Sementara itu, pengusaha restoran dan kantin, Nurul Rosemiemy Khasimi, berkata kenaikan harga barangan keperluan ini bukan berlaku ketika ini, tetapi ia sudah berlaku kira-kira empat bulan lalu.

Katanya, harga sayuran umpamanya naik 50 peratus sebelum Ramadan dan memberi kesan kepada jualan makanan.

"Apa yang kerajaan boleh lakukan ialah kawal harga di pasaran atau jika berlaku juga, pengusaha terpaksa menaikkan harga makanan," katanya.



Kamarudin Ismail

Perbandingan harga barang keperluan di beberapa negeri

HARGA AYAM	
Sarawak	RM9.30 kpdnhep/ RM10.30 pasar
Kelantan	RM9.50 - RM10.0
Kedah & Pulau Pinang	RM8.90
Johor	RM6.99 - RM11.00
Selangor	RM8.89

HARGA TELUR (ikut gred)	
Johor	RM12.00 - 14.00
Kedah	RM11.60 - RM15.00
Selangor	RM11.70 - RM12.30

HARGA IKAN	
Sarawak	RM11.99
Kedah	RM12.00
Johor	RM10.00
Selangor	RM8.99

HARGA TEPUNG GANDUM	
Sarawak	RM2.50 - 4.30
Kedah	RM2.85
Johor	RM1.35 - RM3.65
Selangor	RM2.50

HARGA GULA	
Sarawak	RM 2.79
Kedah	RM2.85
Johor	RM2.85 - 2.95
Selangor	RM2.85

HARGA CILI	
Kelantan	RM20.00*
Kedah	RM11.00
Selangor	RM17.49

*sebelum 12

HARGA SUSU PEKAT	
Sarawak	RM2.50 - 4.30
Kedah	RM2.85
Johor	RM1.35 - RM3.65
Selangor	RM2.50

FOMCA gesa teliti rantai bekalan, jualan ayam

Kuala Lumpur: Rantai bekalan dan jualan ayam perlu diteliti dalam usaha memastikan punca kenaikan harga bahan mentah itu dapat dikenal pasti dengan segera.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna

Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kenaikan harga tidak boleh dituding sepenuhnya kepada peniaga yang turut berdepan peningkatan harga daripada pembekal dan pemborong.

Katanya, Kementerian Perda-

gangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) perlu lebih agresif mengesan punca kenaikan.

"Untuk menyalahkan peniaga semata-mata tidak adil kerana

mereka juga terbeban dan terpaksa menaikkan harga lebih RM8.90 sekilogram daripada yang ditetapkan.

"Kesannya kepada pengguna yang berdepan dengan kenaikan ayam mentah dan harga makanan siap masak berasaskan

ayam," katanya ketika dihubungi.

Bellau berkata, sepanjang Ramadan dan menjelang Syawal, permintaan ayam pasti meningkat dengan mendadak, sekali gus menyebabkan ada pihak yang akan mengambil kesempatan.

8/4/2022

NST

NEWS

8

COSTLIER CHICKEN

'INVESTIGATE HIDDEN HANDS' HIKING PRICES'

Consumer group says costs of rearing chicken not that high, blames middlemen

ALHAMD MUKHSEIN MUKHTAR
ALOR STAR
news@nst.com.my

THE Consumer Association of Kedah (Cak) yesterday called on authorities to investigate the recent spike in the price of processed chicken.

While lauding the action taken against errant chicken retailers, the consumer rights group said that action must also be taken against the "invisible hands" behind the recent price hike.

"We are calling on the Domestic Trade and Consumers Affairs Ministry to investigate the whole supply chain, including chicken farmers, suppliers and the middlemen that we all know are acting as invisible hands in inflating prices," said its honorary secretary, Yusrizal Yusoff.

He said Cak found that running chicken farms was not that costly but prices would be manipulated when the birds reached suppliers.

"During periods of high demand, such as festivals, prices

are marked up. Nobody is keeping an eye on suppliers, so we hope that the authorities will consider this and investigate the suppliers so that we can control inflation."

Yusrizal was responding to the ministry slapping RM65,300 in compounds on errant chicken sellers in Kuala Lumpur for pricing standard chicken beyond the RM8.90 per kg ceiling, as well as failing to display price tags.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Daruk Seri Alexander Nanta Linggi said on Wednesday that the compounds

were issued during the nationwide price monitoring from Feb 5 to April 5 at 39,950 premises selling standard chicken.

He said up to 18 premises violated the law by increasing the ceiling price and 470 premises failed to display price tags.

He was responding to the *Straits Times*' front page report on Wednesday on the hike in standard chicken prices — from RM8.90 per kg to up to RM11 and RM9.50 per kg — at two wet markets in Kuala Lumpur.



The Consumer Association of Kedah says during periods of high demand, such as festivals, the price of standard chicken is marked up. PIC BY FAIZ ANUAR

3 farms suspected of profiteering

MANJUNG: The Perak enforcement division of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has opened three investigation papers on three broiler farmers over suspicion of profiteering.

Its director, Saifulnizan Kamarul Zaman, said the farmers had exceeded the maximum price at the farm. He said the state domestic trade and consumer affairs office investigated three farms on Tues-

day and Wednesday. "They are suspected of increasing the selling price of live chicken at the farm level, from RM5.60 per kg to RM6.05 to RM6.30 per kg."

"The farmers are registered with the state Veterinary Services Department and operate in the district. The supply of broilers is for distribution around the state, Penang, Selangor and Kuala Lumpur," he said yesterday.

He said three investigation papers had been opened against

them under Section 11 of the Price Control and Anti-Profiteering Act of 2011.

Saifulnizan said to date, the supply of basic necessities in Manjung was adequate and there had been no complaints of lack of supply or panic buying.

"We would like to remind all traders to be more ethical and stern action will be taken if they fail to comply with regulations under the act and enforced by the ministry."